

03 APR 1998

Anwar-Konflik

MALAYSIA MAHU KUASA BESAR CAMPUR TANGAN DALAM KONFLIK KOSOVO

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Malaysia hari ini menggesa masyarakat antarabangsa terutamanya kuasa-kuasa Eropah, Russia dan Amerika Syarikat meminta pemimpin Serbia supaya mengadakan rundingan dengan pemimpin Albania di Kosovo demi masa depan negara yang bermasalah itu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pemimpin Serbia harus bersedia membincangkan semua isu berkaitan termasuk mengenai isu kemerdekaan.

"Jika Belgrade enggan berunding dengan puak Albania Kosovo berhubung perkara itu, kuasa-kuasa yang sedia ada perlu bersedia untuk mengasingkan regim itu.

"Alternatif kepada rundingan itu, yang akan menangani ketidakpuasan hati Albania dan kebimbangan Serbia ialah, peperangan yang berpanjangan dan berlarutan," kata Anwar semasa merasmikan forum "Perundingan Mengenai Kosovo", di sini, hari ini.

Anwar berkata semua kerajaan di seluruh dunia harus memahami perkara ini dan mereka perlu menekan regim di bawah pimpinan Presiden Yugoslavia, Slobodan Milosevic, supaya memulakan satu rundingan yang ikhlas dengan puak Albania Kosovo.

Wilayah yang dikuasai umat Islam itu baru-baru ini menjadi sasaran tindakan keras polis Yugoslavia, yang dikatakan memburu puak pemisah, mengakibatkan kira-kira 80 orang terbunuh.

Polis Serbia mendakwa mereka ialah "pemberontak" yang terbunuh dalam kempen menentang Tentera Pembebasan Kosovo, kumpulan yang cuba mendapatkan kemerdekaan bagi wilayah selatan itu.

Anwar berkata sambil Malaysia dan rakyatnya memahami aspirasi puak Albania Kosovo, mereka juga menyedari bahawa kewibawaan wilayah ialah asas kepada negara yang moden dan berdaulat.

Beliau berkata kerumitan konflik Kosovo itu mencabar dunia untuk mencari penyelesaian yang adil dan berkeadilan kerana tidak seperti isu di Bosnia-Herzegovina atau Croatia, konflik di Kosovo "mampu membenamkan keseluruhan Balkan dalam satu kebakaran besar."

Sambil menyentuh konflik Bosnia, Anwar berkata masyarakat antarabangsa terutamanya kuasa-kuasa Barat telah gagal bertindak dengan segera menyebabkan kira-kira 200,000 orang terbunuh dan 50,000 wanita pula dirogol.

Beliau berkata: "Dunia gagal menghentikan keganasan itu kerana ia kekurangan semangat untuk melakukannya. Jangan biarkan semangat politik yang sempit atau kepentingan tertentu menyebabkan satu lagi keganasan.

"Jangan biarkan generasi kita menjadi saksi yang lemah terhadap satu lagi pertumpahan darah di Balkan," katanya.

Dalam hubungan ini, Anwar menyarankan supaya pemerhatian dibuat terhadap hubungan politik antara etnik di Malaysia, yang disifatkannya sebagai satu daripada masyarakat majmuk yang paling kompleks, yang dibentuk menerusi rundingan sebelum mencapai kemerdekaan.

Anwar berkata menerusi perundingan dan dialog, Malaysia telah mencapai keseimbangan tertentu dalam hubungan antara masyarakat yang berbeza dengan mengambil kira keperluan dan aspirasi pelbagai masyarakat etnik.

"Atas sebab itu, apabila keseimbangan etnik ini diganggu, kerajaan mempamerkan kesediaannya untuk bertindak tegas dan adil bagi memulihkan keseimbangan itu.

"Keupayaan untuk bersikap adil tetapi tegas dalam sesuatu krisis ialah

satu daripada bahan penting kepimpinan dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia," katanya.

Anwar juga memberitahu perhimpunan itu bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyatakan harapan beliau bahawa forum itu akan menghasilkan cadangan-cadangan yang konkrit mengenai cara menyelesaikan konflik Kosovo itu. -- BERNAMA

MAM NAK